

TREND INFLASI TERENGGANU MEMBIMBANGKAN

Pengarang

Mohd Eikhwan M Ali

Ketua Jabatan Pengurusan Strategik & Advokasi Dasar





Trend Inflasi Terengganu Membimbangkan

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

Emel Pengarang : eikhwanali@tsis.my

TREND INFLASI TERENGGANU MEMBIMBANGKAN

Penulis :

MOHD EIKHWAN BIN M ALI

*Ketua Jabatan Pengurusan Strategik dan Advokasi Dasar
Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)*

Pengenalan

Inflasi merupakan penunjuk yang baik untuk menggambarkan kos sara hidup; dengan kata lain, kadar inflasi yang meningkat menunjukkan kos sara hidup semakin bertambah dan begitulah sebaliknya. Inflasi ditentukan bersandar kepada kadar perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) sama ada perubahan peratus di antara bulan semasa dan bulan yang sama tahun sebelumnya (tahun ke tahun); atau bulan semasa dengan bulan sebelumnya (bulan ke bulan); atau perubahan peratus antara purata tahunan tahun semasa yang spesifik dengan purata tahunan yang sama ditetapkan pada tahun sebelumnya.

IHP ini mengukur perubahan peratus kos pembelian bagi 12 kumpulan barangan dan perkhidmatan iaitu Makanan dan Minuman Bukan Alkohol; Minuman Alkohol dan Tembakau; Pakaian dan Kasut; Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain; Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah; Kesihatan; Pengangkutan; Komunikasi; Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan; Pendidikan; Restoran dan Hotel; serta Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan. Oleh kerana IHP ini mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan bagi kesemua kumpulan barangan dan perkhidmatan ini, inflasi atau peratus perubahan IHP ini dianggap sebagai penunjuk kos sara hidup yang munasabah.


Artikel ini secara khusus bertujuan untuk meninjau trend inflasi Terengganu berbanding 10 negeri (atau kumpulan negeri) lain di Semenanjung Malaysia iaitu Kedah & Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor & WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang dan Kelantan berdasarkan Indeks Harga Pengguna (IHP), Malaysia sepanjang tahun 2019, 2020 dan 2021 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Trend Inflasi di Semenanjung Malaysia

Rajah 1 menunjukkan kadar inflasi bulan semasa berdasarkan perubahan peratus IHP di antara bulan semasa dan bulan yang sama tahun sebelumnya (tahun ke tahun) sepanjang tahun 2019, 2020 dan 2021 bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Sepanjang tempoh tersebut, inflasi menunjukkan beberapa trend.

Pada suku pertama tahun 2019, hampir semua negeri mencatatkan inflasi negatif pada setiap bulan iaitu sekitar -0.4 peratus dengan kadar yang terendah -1.3 peratus dan kadar tertinggi 0.9 peratus. Bermula suku kedua tahun 2019 sehingga berakhir suku pertama tahun 2020 pula, inflasi merekodkan kadar positif pada purata 0.9 peratus dengan kadar terendah -0.9 peratus dan kadar tertinggi 2.4 peratus.

Rajah 1. Kadar inflasi bulanan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2019, 2020 dan 2021



Inflasi kembali negatif se bermula pada suku kedua tahun 2020 sehingga penghujung tahun 2020 dengan kadar purata -2.0 peratus. Kadar terendah yang direkodkan dalam tempoh ini ialah -3.9 peratus dan kadar tertinggi pula ialah -0.7 peratus. Secara umumnya tempoh ini adalah tempoh berkuatkuasanya perintah kawalan dan pergerakan dengan prosedur operasi standard yang ketat bagi mengekang penularan COVID-19.

Pada Januari sehingga April tahun 2021, seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2**, kadar inflasi bulanan Semenanjung Malaysia menunjukkan trend menaik iaitu dari -0.2 peratus pada Januari kepada 0.2 peratus (Februari), 1.8 peratus (Mac) dan tertinggi pada April iaitu 4.6 peratus. Inflasi pada April ini merupakan kadar yang tertinggi sepanjang tempoh dari tahun 2019 sehingga tahun 2021.

Peningkatan ini adalah didorong oleh peningkatan indeks bagi kumpulan Pengangkutan; Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain; serta Makanan dan Minuman Bukan Alkohol. Bagi kumpulan Pengangkutan, peningkatan ini antaranya didorong oleh kenaikan harga runcit petrol dan diesel berbanding bulan sama tahun sebelumnya. Purata harga RON95 meningkat kepada RM2.05 per liter berbanding RM1.27; RON97 meningkat kepada RM2.55 per liter berbanding RM1.57; manakala Diesel meningkat kepada RM2.15 per liter daripada RM1.49. Bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain pula, adalah disebabkan oleh peningkatan dalam subkumpulan Elektrik, gas dan bahan api susulan penamatan diskaun elektrik yang diberikan bermula April 2020 dan berakhir pada Disember 2020. Bagi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol, peningkatan tertinggi adalah dicatatkan oleh subkumpulan Daging diikuti oleh Ikan dan Makanan Laut; Minyak dan Lemak; serta Sayur-sayuran.

Seterusnya, inflasi ini menurun semula kepada kadar 4.5 peratus pada Mei, 3.4 peratus (Jun), 2.2 peratus (Julai) dan 2.0 peratus (Ogos). Pada September, Oktober dan November kadar ini kembali meningkat kepada 2.2 peratus, 3.1 peratus dan 3.6 peratus masing-masing sebelum turun kepada 3.4 peratus pada Disember. Lonjakan pada November ini juga adalah didorong oleh tiga kumpulan utama yang sama iaitu Pengangkutan; Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain; serta Makanan dan Minuman Bukan Alkohol.

Peningkatan subkumpulan Pengurusan Alat Pengangkutan Persendirian terutamanya adalah disebabkan oleh peningkatan indeks yang berkaitan dengan bahan api automotif iaitu RON97 yang melonjak kepada RM3.06 per liter pada November 2021 berbanding RM1.93 per liter pada November 2020 sejajar dengan kenaikan harga minyak global. Subkumpulan Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain pula terus meningkat berikutan penamatan diskaun elektrik yang berakhir pada bulan September. Manakala bagi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol, peningkatannya adalah berpunca daripada kenaikan komponen makanan di rumah yang semakin meningkat.

Rajah 2. Kadar inflasi bulanan Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2021




Secara ringkasnya dapat dirumuskan bahawa inflasi ini amat dipengaruhi oleh faktor harga bahan mentah di peringkat global; rantai bekalan domestik dan antarabangsa; perubahan cuaca dan iklim; serta polisi kerajaan terutamanya mengenai harga atau subsidi bahan api dan utiliti seperti elektrik.

Trend Inflasi di Terengganu

Walaupun secara umumnya inflasi Terengganu adalah sama trendnya dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, namun perubahan kadarnya adalah amat membimbangkan dan memperlihatkan peningkatan kos sara hidup yang ketara di

negeri ini. Berdasarkan **Rajah 3**, kadar inflasi Terengganu telah mengatasi paras inflasi Semenanjung Malaysia sejak Julai 2020.

Rajah 3. Kadar inflasi bulanan Terengganu dan Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2019, 2020 dan 2021



Bagi tempoh sebelum itu, kadar inflasi Terengganu adalah yang terendah iaitu di kedudukan antara yang kesembilan dan kesebelas berbanding kesemua 11 negeri (atau kumpulan negeri) di Semenanjung Malaysia. Sebaliknya bermula Julai 2020, kadar inflasi Terengganu termasuk dalam kelompok yang teratas di kedudukan keempat bagi tempoh Julai hingga November 2020, seterusnya di tempat ketiga pada Disember 2020 dan kemudiannya di tempat paling atas sejak Januari 2021. Sekiranya trend ini berterusan, dijangkakan julat perbezaan kadar inflasi Terengganu dan Semenanjung Malaysia akan terus melebar.

Adalah amat canggung apabila Terengganu sebuah negeri dengan paras pembandaran yang sederhana mempunyai kadar inflasi yang lebih tinggi berbanding negeri-negeri dengan paras pembandaran yang tinggi seperti Johor, Melaka, Pulau Pinang, Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Berdasarkan **Jadual 1**, walaupun purata IHP tahunan Terengganu adalah yang terendah dan menunjukkan harga barangan dan perkhidmatan di negeri ini masih rendah berbanding negeri-negeri lain, namun dengan trend inflasi seperti yang dihuraikan sebelum ini, tidak mustahil situasi akan berubah jika masih tiada perhatian dan pendekatan yang munasabah diberikan oleh pihak berkuasa. Lihat sahaja IHP Terengganu pada tahun 2021 yang meningkat sehingga menyebabkan kedudukan Terengganu jatuh satu anak tangga ke tempat kedua dengan IHP terendah berbanding di tempat pertama pada tahun 2019 dan 2020.

Jadual 1. Purata IHP tahunan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia

Tahun	Kedah & Perlis	Pulau Pinang	Perak	Selangor & WP Putrajaya	WP Kuala Lumpur	Melaka	Negeri Sembilan	Johor	Pahang	Kelantan	Terengganu
2019	119.1	123.3	117.5	123.1	123.0	120.4	122.5	125.1	119.0	120.6	117.1
2020	116.9	122.3	116.0	122.4	122.3	118.1	120.5	123.3	117.6	118.8	115.6
2021	120.0	124.9	119.1	125.7	124.7	120.9	123.6	126.3	121.1	122.5	119.5

Penutup

Susulan isu geopolitik antarabangsa terutamanya yang sedang berlangsung seperti peperangan antara Russia dan Ukraine serta bencana alam seperti banjir besar yang melanda di beberapa negeri dan daerah dalam negeri ini, ia pasti akan memberikan kesan terhadap harga dan rantai bekalan bahan mentah sekaligus menyumbang kepada kenaikan harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran tempatan dalam tempoh jangka masa ke hadapan ini.

Dalam meneliti isu ini, Kerajaan Negeri Terengganu mesti bekerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan melalui jabatan dan agensi yang berkaitan untuk menanganinya dengan berkesan dan secara lebih menyeluruh kerana kadar inflasi ini mempunyai kaitan yang amat rapat dengan kadar pertumbuhan ekonomi dan kadar pengangguran. Adalah dikhuatiri, sekiranya tiada langkah wajar diambil segera, hal ini akan menjejaskan sasaran Kerajaan Negeri Terengganu untuk mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 3.0 peratus hingga 3.4 peratus dan menyediakan 4,000 peluang pekerjaan pada tahun 2022 seperti yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar semasa membentangkan Belanjawan 2022 Terengganu Darul Iman pada 15 November lalu.

SENARAI RUJUKAN

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Harga Pengguna, Malaysia (Januari 2021)*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Indeks Harga Pengguna, Malaysia (Januari 2020)*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Indeks Harga Pengguna, Malaysia (Januari 2019)*.
- YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar. (2021). *Buku Ucapan Belanjawan 2022 Terengganu Darul Iman*. Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Harga Pengguna, Malaysia (April 2021)*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Harga Pengguna, Malaysia (Ogos 2021)*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Harga Pengguna, Malaysia (November 2021)*.
- Bank Negara Malaysia (BNM). (2016). *Inflasi dan Kos Sara Hidup*.
https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830675/cp01_003_rencana_updated.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Indeks Harga Pengguna, Malaysia (Disember 2021)*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2013). *Indeks Harga Pengguna*.



Sila petik karya ini seperti berikut :
Mohd Eikhwan M Ali. (2022, Mac 3). Trend Inflasi Terengganu Membimbangkan.
Perspektif, 2/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :
www.tsis.my



© Hak Cipta Terpelihara